

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Saturday, November 16, 2019 9:46 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mantan Pengarah Canselori - Jasamu Dikenang



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 NOVEMBER 2019 / 19 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

MANTAN PENGARAH CANSELORI - JASAMU DIKENANG



UUM ONLINE:

*Jasamu sentiasa dikenang
Budimu tidak terbilang
Semangatmu tinggi dijulang
Kepimpinanmu gemilang*

Encik Sidi panggilan mesra

*Pengarah Canselori banyak berjasa
Memimpin hampir 5 tahun lama
karakter disenangi ramah mesra
suka memberi menyantuni jiwa
Menabur bakti mencurah jasa*

*Kini tiba masanya
Berundur Encik Sidi berpindah kerja
Hilanglah permata yang berharga
Hanya doa mengiringi kembara*

*Pergimu membawa pesan berharga
Bicara menyuntik semangat beraura
Berbekas di hati panduan bersama*

Mantan Pengarah Canselori, Ahmad Rasidi Abdullah menyifatkan Jabatan Canselori ibarat sebuah keluarga, banyak kenangan manis bersama sepanjang bertugas hampir lima tahun di jabatan itu.

“Kita harus membahagikan masa sebaiknya antara kerja dan keluarga. Jangan bawa pulang kerja ke rumah kerana masa di rumah adalah untuk keluarga.

“Kadang-kadang saya hairan melihat staf yang membawa pulang urusan kerja ke rumah, sedangkan isteri dan anak-anak juga ada hak ke atas kita. Jangan sehingga mengabaikan tanggungjawab kita kepada keluarga.

“Bekerjalah dengan seikhlas hati, bijak mengimbangi masa antara kerjaya dan keluarga, di samping tidak melupakan masyarakat sekeliling dan saya berharap agar Jabatan Canselori akan terus cemerlang,” katanya pada Mesyuarat Agung Tahunan Chance Club 2019 di Bilik Mesyuarat Canselori, baru-baru ini.

Beliau turut mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua staf yang banyak memberi sumbangan dan komitmen serta menjalankan tanggungjawab dalam menggerakkan jabatan seiring aspirasi universiti.

Beliau memegang jawatan Pengarah Jabatan Canselori sejak 2015 dan kini bertugas sebagai Timbalan Pendaftar di Jabatan Pendaftar.



Please consider the environment before printing this e-mail



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



EFMD
EPAS
ACCREDITED



IQA
ACCREDITED



Institute
of Hospitality
ACCREDITED



STARS
ACCREDITED



AUN-QA
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the

sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.